

27 AUG 1998

EON-Merdeka

TAJAJAN BAGI 500 PESERTA ACARA EON DI JAMBATAN PULAU PINANG

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- EON Finance Berhad, anak syarikat pengedar kereta nasional Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), akan menaja 500 pelanggannya yang ingin menyertai acara "EON Jambatan Pulau Pinang Pandu Proton Merdeka" pada 30 Ogos ini.

Tawaran itu dibuka kepada pelanggannya yang mengunjungi mana-mana cawangan EON Finance di seluruh negara berdasarkan "siapa cepat dia dapat" dan mereka tidak perlu membayar yuran penyertaan sebanyak RM100.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, pelanggan yang terpilih untuk ditaja berhak menerima semua barangan cenderahati yang diagihkan kepada peserta dan berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik termasuk kereta Proton Iswara Aeroback bernilai RM30,000 dan 26 hadiah wang tunai berjumlah RM20,000 melalui cabutan bertuah/peraduan menulis slogan.

Acara merentasi Jambatan Pulau Pinang yang melibatkan 1,998 buah kereta jenis Proton akan diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memandu kereta Proton Wira yang pernah diturunkan di Kutub Utara.

Konvoi kereta sejenama terpanjang di dunia itu akan dicatatkan dalam "Malaysia Book of Records" dan juga "Guinness Book of World Records".

Orang ramai yang ingin menyertai acara ini boleh mendapatkan borang penyertaan di semua dewan pameran EON, wakil pengedar, pusat-pusat servis EON, dewan pameran EON Motor Ria dan agensi-agensinya bertauliah

Borang-borang yang telah lengkap diisi bersama yuran penyertaan RM100 boleh diserahkan ke ibu pejabat EON di Glenmarie Shah Alam atau cawangan-cawangan penjualan EON di seluruh negara selewat-lewatnya pukul 12 tengah hari, Sabtu ini (29 Ogos).

Sementara itu, jurucakap syarikat perhubungan awam yang mengendalikan publisiti acara itu, Ghazalie, Rafeah, Ali & Associates Sdn Bhd ketika dihubungi di Kuala Lumpur berkata, setakat ini lebih 1,000 penyertaan telah diterima untuk acara itu dan berharap banyak lagi yang akan berbuat demikian sebelum Sabtu ini.

Kenderaan-kenderaan itu akan disusun sepanjang 10km mulai daripada Jalan Perusahaan ke kawasan plaza tol Jambatan Pulau Pinang sebelum acara itu bermula.

Jambatan Pulau Pinang akan ditutup kepada lalulintas mulai pukul 4 petang sementara menunggu ketibaan Perdana Menteri pada kira-kira pukul 5.15 petang dan beliau dijangka menerima kain pemidang daripada Pusat Kebudayaan Pulau Pinang (Penang Cultural Center) sebagai menandakan acara bermula, katanya.

-- BERNAMA

ZU PR